

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri 8868/1 mengandungi dua bahagian iaitu:

- Bahagian A Terdiri daripada dua puluh soalan struktur. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
- Bahagian B Soalan yang diberi ialah enam soalan. Calon dikehendaki memilih mana-mana empat soalan daripada enam soalan tersebut. Jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang dibekalkan.

Calon diberi masa dua jam tiga puluh minit untuk menjawab kedua-dua bahagian tersebut.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhan prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang memperoleh markah maksima semakin bertambah berbanding tahun sebelum ini. Jawapan yang diberikan juga didapati tepat pada kehendak soalan. Calon juga berjaya menjelaskan jawapan mengikut kata tugas yang diberi. Namun begitu, masih terdapat juga calon yang gagal menjawab mengikut kata tugas yang dikehendaki seperti tidak menerangkan jawapan yang lengkap. Ini menyebabkan calon akan kehilangan sebahagian markah daripada peruntukkan markah yang diberi.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dengan mengemukakan jawapan yang tepat. Setiap jawapan diterangkan dengan jelas mengikut kata tugas yang diberi. Jawapan yang dikemukakan juga mempunyai huraian yang tepat mengikut kehendak soalan.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon memahami kehendak soalan yang diberi tetapi mengemukakan keterangan yang kurang tepat mengikut kata tugas yang diberi. Terdapat juga jawapan yang tidak dihuraikan atau diterangkan dengan baik. Ini menunjukkan calon kurang memahami kata tugas atau fakta yang tepat mengikut kehendak soalan. Fenomena ini boleh diperbaiki dengan menumpukan membaca soalan dengan teliti dan berulang-kali.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon kurang memahami kehendak soalan yang diberi dengan mengemukakan jawapan yang kurang/tidak tepat. Terdapat soalan yang tidak berjawab dan juga menjawab soalan dengan mengemukakan jawapan yang ringkas. Ini menunjukkan calon tidak peka kepada kehendak soalan dan tidak mengetahui fakta jawapan dengan tepat. Ini boleh diperbaiki dengan menguasai fakta dan membaca soalan dengan teliti.

## **PRESTASI TERPERINCI**

### **Bahagian A**

#### **Soalan 1**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan jawapan yang ringkas dan tidak tepat bagaimana makanan boleh tercemar. Calon mestilah memberi jawapan punca makanan boleh tercemar.

#### **Soalan 2**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan risiko daripada klasifikasi yang sama. Sepatutnya calon mengemukakan risiko dari klasifikasi yang berlainan.

#### **Soalan 3**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Terdapat calon yang keliru tentang tin pembakar dan tin pakai buang. Sepatutnya calon hanya mengemukakan apakah yang sepatutnya dilakukan selepas menggunakan tin pembakar. Tin pembakar adalah digunakan untuk membakar kek, biskut dan lain-lain.

#### **Soalan 4**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Terdapat calon yang keliru tentang pisau pelep dengan pisau pemotong. Malah didapati calon tidak mengenal pasti yang mana satu pisau pelep dan kegunaannya.

#### **Soalan 5**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Majoriti calon tidak dapat memberi definisi yang tepat tentang pemakanan tak seimbang. Calon memberi definisi yang lain, iaitu sajian yang tiada zat. Jawapan ini jelas tidak tepat.

#### **Soalan 6**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan.

#### **Soalan 7**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon didapati tidak mengenal pasti apakah kaedah *sponge and dough*. Calon memberi jawapan tentang proses membuat roti, bukan kaedah-kaedah lain selain kaedah *sponge and dough* seperti kehendak soalan.

#### **Soalan 8**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan.

#### **Soalan 9**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan.

#### **Soalan 10**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon tidak peka tentang nisbah lemak kepada tepung dalam membuat pastri. Calon perlu menyatakan angka tepat untuk menjawab soalan ini.

#### **Soalan 11**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan.

#### **Soalan 12**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat bagi menjawab soalan ini.

#### **Soalan 13**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan.

#### **Soalan 14**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon tidak dapat membezakan *gateau* dengan span sandwich. Terdapat calon tidak memahami apakah span sandwich. Calon menyatakan sandwich adalah roti yang dilapiskan dengan mentega, inti dan sayur-sayuran. Manakala *gateau* pula tidak dinyatakan dengan tepat tentang ciri-ciri *gateau* tersebut. Ini menunjukkan calon tidak dapat mengenal pasti kedua-dua perkataan ini seperti dalam kehendak soalan.

#### **Soalan 15**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

### **Soalan 16**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

### **Soalan 17**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

### **Soalan 18**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon tidak memahami kehendak soalan yang dikemukakan. Soalan memerlukan calon memberikan sebab mengapa sirap untuk menyadur kuih tempatan tidak bersira. Calon didapati tidak memahami perkataan tidak bersira. Calon memberi jawapan yang tiada kaitan dengan soalan seperti memberi contoh kuih yang sesuai dimakan dengan sirap. Sepatutnya calon memberi sebab sirap pada kuih kuih tempatan tidak bersira (tidak melekat bersadur) pada kuih tempatan contohnya kuih keria, mengapa sirap tidak bersira.

### **Soalan 19**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

### **Soalan 20**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

## **Bahagian B**

### **Soalan 1 (a)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan langkah-langkah membuat roti. Sepatutnya calon hanya menerangkan perkara yang patut dipertimbangkan (dilakukan ) untuk menghasilkan roti yang berkualiti.

### **Soalan 1 (b)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan ciri-ciri

personaliti seorang jurujual di kedai Bakeri. Sepatutnya calon menyatakan ciri-ciri sikap yang positif (yang baik ) seseorang pekerja di bakeri meliputi beberapa ciri sikap yang harus ada pada seseorang pekerja.

### **Soalan 2 (a)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan formula dan pengiraan yang tepat dan mematuhi kehendak soalan. Skor yang diterima adalah maksima mengikut peruntukkan markah yang diberi. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan pengiraan yang salah/tidak tepat. Formula yang diberikan silap. Sepatutnya calon hanya memberi formula dan menghitung seperti kehendak soalan. Ini mungkin ada kaitan dengan kelemahan matematik seseorang calon.

### **Soalan 2 (b)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan jawapan langkah urutan menggulung *Swiss Roll* menggunakan jem. Calon sepatutnya memberi tumpuan khusus mengikut kehendak soalan yang mengkehendaki menyenaraikan langkah urutan menggulung *Swiss Roll* yang menggunakan inti krim supaya mendapat gulungan yang tidak merekah. Calon perlu peka sifat krim akan cair apabila terkena haba panas, manakala *Swiss Roll* pula mesti digulung ketika panas. Prinsip menggulung *Swiss roll* menggunakan inti jem adalah berbeza dengan kaedah menggulung *Swiss Roll* yang menggunakan inti krim.

### **Soalan 3 (a)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan hanya tiga persediaan yang perlu dilakukan sebelum membuat kek. Calon tidak menerangkan setiap persediaan yang dilakukan. Dalam hal ini, calon tidak memberi tumpuan kepada kata tugas yang diberikan dalam soalan. Perkataan terangkan, calon hanya nyatakan sahaja.

### **Soalan 3 (b)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Calon dapat menjawab dengan tepat dan baik.

### **Soalan 4 (a)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon hanya mengemukakan empat perkara yang perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan aising yang bermutu. Calon tidak menerangkan dengan memberi sebab setiap perkara yang perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan aising yang bermutu. Kata tugas terangkan memerlukan calon menjelaskan jawapan dengan memberi sebab kepada setiap perkara yang dilakukan.

#### **Soalan 4 (b)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon tidak menerangkan rawatan seseorang yang mengalami hidung berdarah dengan tersusun dan perkara dilakukan untuk merawat dengan sempurna. Calon hanya menyatakan beberapa prosedur rawatan yang tidak lengkap.

#### **Soalan 5 (a)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan empat cara bagaimana mengguna peti sejuk supaya tahan lama. Sepatutnya calon menerangkan empat peraturan menjaga peti sejuk supaya tahan lama. Calon tidak dapat membezakan perkataan empat peraturan menjaga peti sejuk dengan empat cara mengguna peti sejuk. Ayat peraturan menjaga peti sejuk supaya tahan lama perlu diteliti oleh calon.

#### **Soalan 5 (b)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri.

#### **Soalan 6 (a)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan proses menyediakan ban *Chelsea*. Sepatutnya calon memberi tumpuan kepada kehendak soalan yang mengkehendaki calon menerangkan langkah menggulung ban *Chelsea*. Proses sebelum menggulung (peringkat proses) tidak perlu diterangkan.

#### **Soalan 6 (b)**

Calon cemerlang dapat mengemukakan fakta dengan tepat dan mematuhi kehendak soalan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang keliru tentang kehendak soalan dan fakta yang diberi. Calon menjawab soalan mengikut kefahaman sendiri. Calon mengemukakan cara mengelakkan sinki daripada tersumbat. Sepatutnya, mengikut kehendak soalan soalan, meminta calon menyenaraikan cara mengatasi sinki yang tersumbat. Perkataan mengatasi memberi kefahaman adalah perkara yang telah terjadi (sinki telah tersumbat) dan meminta calon menerangkan cara untuk menyelesaikannya.

### **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon hendaklah menguasai keseluruhan mata pelajaran ini.
2. Hubung jalin mata pelajaran amali membuat Roti dan Patisserie amat penting dengan mata pelajaran Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri.

3. Calon dinasihati membaca soalan dengan teliti dan memahami kehendak soalan. Mengenal pasti kata tugas yang terdapat dalam soalan dan ayat yang terkandung dalam soalan khusus kata kunci soalan yang diberikan.
4. Menulis dengan terang, jelas dan bersih. Setiap kesalahan perlu dipadamkan.
5. Calon dinasihat menggunakan muka surat yang berlainan untuk setiap soalan. Contohnya soalan 1 (a) muka surat 1, diikuti soalan 1 (b) muka surat 2. Kebaikannya ialah sekiranya berlaku pembetulan, atau penambahan fakta, masih terdapat ruang untuk calon menulis jawapan.
6. Semak nombor soalan, jawapan dan susun kertas jawapan dengan teratur sebelum menghantar kepada pengawas peperiksaan.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru mesti menguasai pengetahuan tentang mata pelajaran keseluruhan.
2. Guru memahami objektif mata pelajaran Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri yang dibekalkan oleh PPK dan objektif pentafsiran yang dibekalkan oleh LPM.
3. Guru mesti memahami konstruk-konstruk berdasarkan contoh soalan yang dibekalkan oleh LPM (soalan tahun lepas).
4. Mengajar secara konstruktivisme, masteri dan lebih kontekstual.
5. Soalan yang dibina sama ada untuk ujian formatif dan sumatif mestilah setara dengan soalan peperiksaan sebenar dan bukan mengubah suai atau menyalin soalan dari buku ulangkaji/modul. Oleh itu soalan yang dibina mestilah soalan yang mempunyai kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, berbentuk aplikasi dan lebih kontekstual.
6. Adakan bank soalan atau bank item.
7. Adakan contoh jawapan yang betul bagi soalan yang telah dikemukakan.
8. Menggalakkan penggunaan istilah, sebutan dan ejaan yang betul semasa pengajaran dan pembelajaran.
9. Penerangan kata tugas, kata kunci dalam soalan perlu diterangkan kepada calon.
10. Guru perlu melatih calon untuk menjawab soalan tahun lepas sebagai latihan dan menyemak serta membincangkan setiap soalan dan jawapan yang dikemukakan oleh calon dengan teliti.
11. Selain daripada itu, guru perlu mendedahkan calon dengan teknik menjawab soalan dengan baik dan cemerlang.
12. Memberi motivasi secukupnya kepada calon serta menerangkan peluang profesionalisme berkaitan dengan Bakeri dan Konfeksioneri.